



Ruj.Kami : JPNT.SPM.UPBM 600-4/1/14 Jld.3 (30)
Tarikh : 8 September 2026

Pengetua dan Guru Besar,
Sekolah Menengah dan Rendah Negeri Terengganu

Tuan,

HEBAHAN DAN JEMPUTAN MENYERTAI KEJOHANAN MEMANAH CABARAN RECURVE TUNAS TERENGGANU TAHUN 2026

Dengan segala hormatnya, saya merujuk surat **SKTM.100-13/1/4 Jld.1 (10)** bertarikh **6 Julai 2026** adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu (JPNT) melalui Sektor Pembangunan Murid telah menerima dan meneliti permohonan daripada pihak **SK Teluk Menara** yang akan menganjurkan **Kejohanan Cabaran Recurve Tunas Terengganu 2026**. Pihak kami mengalu-alukan inisiatif agensi kerajaan dan agensi bukan kerajaan dalam membantu membangunkan kemenjadian murid di negeri ini seperti maklumat berikut:

Kejohanan	:	Cabaran Recurve Tunas Terengganu 2026
Tarikh	:	26 September 2026 (Sabtu)
Hari	:	8.00 pagi hingga 5.30 petang
Tempat	:	SK Teluk Menara, Kuala Terengganu
Kategori	:	L10, P10, L12, P12, L15 dan P15

3. Sehubungan dengan itu, Unit Pembangunan Bakat Murid, Sektor Pembangunan Murid, JPN Terengganu **TIADA HALANGAN** untuk penglibatan murid dari sekolah tuan untuk menyertai dalam kejohanan ini. Mohon jasa baik serta kerjasama tuan untuk memberi kebenaran dan pelepasan kepada murid yang berminat untuk menyertai program ini.

4. Untuk makluman tuan, semua kos perbelanjaan penyertaan dalam program ini adalah di bawah tanggungan sendiri dan tidak melibatkan implikasi kewangan jabatan. Sebarang pertanyaan berhubung perkara di atas, sila hubungi **Coach Tengku Anif bin Che Ku Hamzah** di talian **018-4604409** atau **Encik Hamdan bin Awang**, Penolong Pengarah, Unit Pembangunan Bakat Murid, JPN Terengganu ditalian **016-9804027** di talian **09-6203444**.

Kerjasama dan keprihatinan tuan dalam hal ini amatlah dihargai. Sekian, terima kasih.

"MEMACU PRAKARSA PENDIDIKAN"

"MALAYSIA MADANI"


"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(MOHD ZULKAFLI BIN JUSOH)
Timbalan Pengarah Pendidikan
Sektor Pembangunan Murid
b.p. Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu

s.k.
Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu
Pegawai Pendidikan Daerah berkenaan

- Makluman tuan
- Makluman tuan



CABARAN RECURVE TUNAS TERENGGANU 2026

(TERTUTUP)

Anjuran:
PIBG SK Teluk Menara & P.L MSNT SK TELUK MENARA

Kerjasama:
Persatuan Memanah Negeri Terengganu & Majlis Sukan Negeri Terengganu

JEMPUTAN

Sekolah-sekolah & Kelab-kelab memanah recurve dalam Negeri Terengganu.

HEBAHAN JEMPUTAN

Melalui Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu kepada Pengurus Teknikal daerah-daerah dalam Terengganu. Juga hebahan melalui Media Digital (WhatsApp, Telegram & FB)

HADIAH

- Tempat pertama hingga ke 5 Pusingan Kelayakan (keseluruhan) setiap kategori: Medal & Sijil
- Tempat pertama hingga ke 4 Pusingan Kalah Singkir Individu (Individual Olympic Round): Wang Tunai, Medal & Sijil
- Tempat ke-5 hingga ke-8 Pusingan Kalah Singkir Individu (Individual Olympic Round): Medal & Sijil
- Yuran: RM45 setiap penyertaan (termasuk makanan tengahari)

PAJSK PERINGKAT NEGERI



26 SEPTEMBER 2026



8.00 pagi – 5.30 petang



Padang Bola Baling,
SK Teluk Menara, Kuala Terengganu.

- ✓ Bawah 15tahun L & P – Jarak:18m, T.face: 40cm. TF/target: 4 keping.
- ✓ Bawah 12tahun L & P – Jarak:18m, T.face: 60cm5rings, TF/target: 4 keping.
- ✓ Bawah 10tahun L & P – Jarak:15m, T.face: 80cm5rings, TF/target: 4 keping.
- ✓ QR: 3arrows, 10ends, 2sets.
- ✓ ER: 1/4 semua 4 kategori (8 terbaik dari QR).

SYARAT KHAS:
BUKAN Bintang-Bintang Terengganu di MSSM2026 (Bukan peserta MSSM 2026)

SALURAN MAKLUMAT

Untuk maklumat lanjut, hubungi Pengarah Program kami melalui Telegram & WhatsApp dibawah



Cabaran Recurve Tunas Terengganu 2026



Coach Tengku Anif
Bin Che Ku Hamzah
0184604409

SASARAN KITA. KEJAYAAN BERSAMA!